



KAJIAN IMPAK PEMBUKAAN SEMPADAN JOHOR-SINGAPURA: KESAN KE ATAS INDUSTRI PERUNCITAN DAN PENGINAPAN JOHOR

Pengenalan

Pintu sempadan negara Malaysia-Singapura dibuka kepada semua kategori pengembara bermula 1 April 2022. Merujuk kepada kenyataan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), sejumlah 252,730 pengembara memasuki atau meninggalkan Malaysia melalui pintu-pintu masuk utama dalam tempoh 4 hari pembukaan sempadan negara.

Pintu masuk Bangunan Sultan Iskandar di Johor merekodkan pergerakan tertinggi termasuk warga asing iaitu sebanyak 160,818 pengembara, diikuti oleh Kuala Lumpur International Airport (KLIA) (38,407), Kompleks Sultan Abu Bakar, Johor (53,113), KLIA2 (11,712) dan Bukit Kayu Hitam, Kedah (6,980).

Bilangan pengembara tertinggi adalah dari Singapura (65,165), Thailand (7,841), Indonesia (5,173), India (2,477) dan United Kingdom (1,485).

Objektif Kajian

Mengkaji impak pembukaan sempadan Johor-Singapura ke atas industri peruncitan dan penginapan di Johor.

Skop Kajian

Meliputi Subsektor Perdagangan Runcit dan Penginapan di negeri Johor.



Subsektor Perdagangan Runcit

Subsektor jualan runcit di Negeri Johor secara keseluruhan dijangka meningkat 10.2 peratus pada bulan April 2022 berbanding bulan Mac 2022.

Jualan Runcit di Kedai Bukan Pengkhususan (seperti pasaraya, pasar mini, kedai runcit dan lain-lain) diramal naik 16.4 peratus, manakala Jualan Runcit di Gerai & Pasar dan Jualan Runcit Bahan Api Kenderaan masing-masing meningkat 14.2 peratus dan 5.8 peratus.


Tiga Kumpulan Nilai Jualan Tertinggi:

Jualan Runcit di Kedai Bukan Pengkhususan: naik 16.4%

Jualan Runcit di Gerai & Pasar: meningkat 14.2%

Jualan Runcit Bahan Api Kenderaan: naik 5.8%


Prestasi Subsektor Perdagangan Runcit, April 2022 berbanding Mac 2022



Hasil Kajian 2

Subsektor Penginapan

Secara keseluruhan, subsektor Penginapan di Negeri Johor dijangka meningkat 16.4 peratus pada bulan April 2022 berbanding bulan Mac 2022.




Hotel 5 bintang:
naik 28.0%

Hotel 4 bintang:
meningkat 15.0%

Hotel 3 bintang:
naik 10.0%

Hotel Bajet:
meningkat 18.0%

Prestasi Sektor Penginapan, April 2022 berbanding Mac 2022



Kesimpulan

Subsektor Perdagangan Runcit dan Penginapan dijangka menunjukkan impak positif kesan daripada pembukaan sempadan Johor-Singapura. Pembukaan sempadan negara ini akan membantu pemulihan aktiviti ekonomi terutama di negeri Johor setelah sekian lama terkesan akibat pandemik COVID-19.